

## **6.8 Kebenaran Khas Untuk Mentender**

- 6.8.1 Kontraktor boleh memohon kebenaran khas untuk mentender kerja yang mana mereka tiada kelayakan sama ada kerana tiada kelas berkenaan atau tiada kepala dan subkepala pendaftaran yang berkenaan.
- 6.8.2 Kebenaran khas ini hanya boleh diperolehi daripada Pusat Khidmat Kontraktor (PKK).

## **6.9 Tempoh Sah Laku Tender<sup>11</sup>**

- 6.9.1 Sebelum sesuatu tender dipelawa, satu jadual pelaksanaan hendaklah disediakan bagi menunjukkan anggaran masa, untuk setiap peringkat, dari tarikh penyediaan spesifikasi sehingga keputusan dibuat. Contoh jadual pelaksanaan bagi tender Kerja adalah seperti di Lampiran 6G.
- 6.9.2 Tempoh sah laku tender yang munasabah hendaklah ditetapkan dengan mengambil kira faktor-faktor berikut:
  - (a) Jangka masa untuk menilai tawaran dari segi teknikal;
  - (b) Jangka masa untuk menilai tawaran dari segi harga;
  - (c) Jangka masa untuk menilai keupayaan petender;
  - (d) Jangka masa untuk menyediakan laporan dan masa yang diperlukan untuk membuat keputusan bagi tender tersebut; dan
  - (e) Jangka masa untuk membuat keputusan dan mengeluarkan Surat Setuju Terima kepada petender yang berjaya.
- 6.9.3 Penilaian tender hendaklah dilakukan dengan segera dan tidak melewati tempoh ditetapkan dalam jadual pelaksanaan tender.

---

<sup>11</sup> Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5/2007 bertarikh 27 Februari 2007